

Pembinaan Makna Semiotik Pembangunan Insan Dari Konteks Akhlak Menerusi Wasiat Luqman Al-Hakim

Construction Of The Semiotic Meaning Of Human Development From The Moral Context Through The Will Of Luqman Al-Hakim

NurHidayati Mohd Rafy*, Najjah Salwa Abd Razak, Mhd Faizal Mhd Ramli

Jabatan Bahasa dan Budaya, Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kuala Lumpur

*Corresponding author: yati@upnm.edu.my

Article history

Received: 2022-03-17 Received in revised form: 2022-06-22 Accepted: 2022-06-30 Published online: 2023-02-28

Abstract

Nowadays, the problem of Muslim personality especially among teenagers has become more serious. Although there are extensive efforts from various parties to overcome it, but moral degradation among youths is increasing. Factors in the occurrence of this problem are due to their lack of appreciation of Islamic education either in the form of faith, worship and moral. These three elements of faith, worship and moral embedded in the will of Luqman al-Hakim (LH) to his son portraying the importance of education towards the nation. This study focuses on moral element expressed by LH as a reflection of the dimension of moral development in the contemporary era. However, the will seems abstract, vague and needs to be clarified in line with contemporary needs from a semiotic point of view. This is because the semiotics of the Qur'an is associated as one of the solutions to represent the new meaning of the LH will. This study analyses the symbols of human development through the will of LH using Peirce theory. This qualitative study uses the method of textual content analysis of LH's will in surah Luqman as the corpus of this study. The data were analysed by referring to three critical elements namely symbol, object and meaning. This study is crucial in the Quranic study because it is related to the representation of the meaning specifically from LH's will and interpreted from the context of contemporary moral development.

Keywords: Semiotic, Luqman al-Hakim, human development

Abstrak

Masalah keperibadian dan sahsiah muslim terutamanya dalam kalangan remaja semakin meruncing. Walaupun terdapat pelbagai usaha daripada pelbagai pihak untuk menanganinya, namun keruntuhan akhlak anak muda zaman sekarang semakin berleluasa. Faktor berlakunya masalah ini antaranya disebabkan oleh kurangnya penghayatan mereka terhadap pendidikan Islam sama ada dalam bentuk akidah, ibadah dan akhlak. Ketiga-tiga elemen akidah, ibadah dan akhlak merupakan antara wasiat yang dikemukakan oleh Lukman Hakim (LH) di dalam al-Quran kepada anaknya yang memperlihatkan pentingnya pendidikan kepada anak bangsa. Kajian ini memfokuskan kepada wasiat akhlak yang diungkapkan oleh LH sebagai cerminan dimensi pembangunan akhlak di era kontemporari. Walau bagaimanapun, wasiat tersebut kelihatan masih lagi bersifat abstrak, samar dan perlu diperjelaskan selari dengan keperluan kontemporari dari sudut kaca mata semiotik. Ini kerana semiotik al-Qur'an dikaitkan sebagai salah satu solusi untuk merepresentasikan makna baharu wasiat LH tersebut. Justeru, kajian ini menganalisis simbol pembangunan manusia menerusi wasiat LH menggunakan teori Peirce. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan tekstual wasiat LH dalam surah Luqman sebagai korpus kajian ini. Data dianalisis dengan merujuk kepada tiga elemen penting iaitu simbol, objek dan makna. Hasil penelitian ini penting dalam kajian al-Qur'an kerana berkait rapat dengan representasi makna wasiat akhlak LH yang kemudiannya diinterpretasikan dalam konteks pembangunan akhlak secara kontemporari.

Katakunci: semiotik, Luqman al-Hakim, pembangunan insan

1.0 PENDAHULUAN

Pembangunan insan dalam Islam perlu diterapkan nilai-nilai murni dalam aspek kehidupan yang berperanan untuk menjana kesejahteraan sesebuah komuniti dan negara. Selain itu, pembangunan insan bukan sahaja merujuk kepada pembangunan manusia semata-mata malahan merangkumi aspek pengetahuan agama, akhlak, ibadah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak dan budi pekerti, dan pembangunan jiwa dan hati (Al-Ghazali, 2005) serta rohani (Jasmi, 2016). Malahan menurut pandangan Islam pembangunan insan perlu berlandaskan ajaran Rasulullah SAW (Jasmi, 2016).

Akhlak adalah suatu aspek yang amat penting dalam pembangunan insan berperanan sebagai penanda aras dalam pembangunan sesebuah tamadun (Desa et al., 2018). Lukman Hakim (selepas in disebut LH) adalah seorang figura yang dipaparkan dalam al-Quran dalam surah Luqman dengan nasihat-nasihat bertujuan untuk mendidik anaknya dengan akhlak yang mulia. Wasiat LH pada anaknya juga sesuai diterapkan dalam pembangunan insan pada masyarakat bertujuan untuk memupuk masyarakat dengan akhlak yang murni dan meningkatkan kemajuan sesebuah negara.

Tanpa pembinaan akhlak, sesebuah negara tidak dapat melahirkan manusia yang berakhlak manusia malah menghakis nilai-nilai kemanusiaan (Fatimah, 2012). Realitinya, isu keruntuhan akhlak bukanlah satu perkara baharu tetapi telah menjadi suatu krisis (Huzili, 2019) malahan isu ini telah lama berlaku (Abd Mutalib et.al, 2020) dan berada pada tahap yang membimbangkan (Mohd Saiful et.al, 2021).

Oleh itu, isu keruntuhan akhlak boleh ditangani berpandukan ajaran al-Quran yang sarat dengan pengajaran dan nasihat. Keindahan laras bahasa al-Quran merupakan satu mukjizat besar yang tidak mampu ditandingi oleh sekumpulan manusia lain (Abdul Ghani, 1999). Tambahan pula, laras bahasa al-Quran yang digunakan dalam menyampaikan pengajaran dan nasihat berbentuk simbol dan ayat tersirat.

Penelitian simbol atau isyarat dalam bahasa dan berkaitan dengan tanda dinamakan ilmu semiotik. Peranan semiotik penting bagi merumuskan sebuah petunjuk kepada manusia menerusi laras bahasa yang terdapat dalam sesuatu tanda. Kesimpulan, kajian ini merupakan satu pendekatan semiotik yang membina makna baharu dalam pembangunan insan menerusi wasiat LH.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Pembangunan insan dalam masyarakat perlu dibentuk dengan menitik beratkan didikan akhlak mulia supaya usaha membangunkan sebuah negara dapat dilaksanakan sebaiknya. Selain itu, usaha pembangunan insan ini dilihat mampu melahirkan generasi yang berjaya dalam pelbagai bidang (Saharia, 2015) malahan aspek akhlak perlu diberi perhatian sewajarnya (Hafiz et. al, 2012) kerana menjadi indikator penting dalam membentuk sesebuah masyarakat (Nasarudin et.al, 2018).

Akhlak adalah salah satu sistem dalam nilai Islam (Mohd Abbas, 2017). Akhlak berasal dari perkataan “*akhlaq*” dalam bahasa Arab (Ma’luf, 1984) yang didefinisikan kepada budi pekerti, akhlak, tingkah laku (Mohd Abbas, 2017). Akhlak yang baik perlu diteladani dan akhlak yang buruk perlu dihindari dalam usaha menambah baik karakter bagi melancarkan proses pembangunan insan. Tanpa akhlak, insan tidak mempunyai jati diri dalam kehidupan. Penerapan akhlak yang mulia sejak awal usia lagi perlu diterapkan dalam diri setiap individu dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian (Mohd Saiful et.al, 2021). Peranan akhlak bukan sahaja pada pembangunan insan malahan dalam kehidupan manusia, individu dan masyarakat, keluarga dan negara (Shaik et.al, 2020). Pembentukan akhlak menerusi al-Quran dan as-sunnah penting dalam melahirkan kejayaan tamadun manusia. Pembangunan sesuatu bangsa bukan terletak pada pembangunan fizikal sahaja (Mohd Saiful et.al, 2021) malahan turut merangkumi aspek kerohanian berlandaskan al-Quran dan as-sunnah. Kamarul et.al, (2021) menyatakan Islam berpandangan bahawa akhlak

perlu dititikberatkan untuk memperolehi kesejahteraan dunia dan akhirat. Nilai-nilai akhlak murni perlu diteladani berpandukan al-Quran dan as-sunnah agar tidak berlaku pengabaian terhadap aspek akhlak dalam pembangunan insan.

Al-Quran turut membicarakan berkaitan pembangunan insan menggunakan mesej tersurat dan tersirat yang mengandungi isyarat simbol. Tambahan pula, simbol dalam al-Quran merangkumi isyarat tersirat dari sudut kalimat, kata atau huruf, dan struktur ayat terkandung dalam al-Quran (Ali Imran,2011).

LH ialah seorang tokoh yang diceritakan dalam al-Quran. Beliau menjadikan aspek akhlak sebagai salah satu aspek yang penting dalam wasiatnya. Malah, LH turut menasihati anaknya dengan menekankan aspek akhlak (Safinah et al, 2019; Safinah, 2018) dalam kehidupan. Hal ini menunjukkan bahawa LH sangat menitikberatkan aspek akhlak sehingga beliau memasukkan beberapa wasiat berkaitan akhlak kepada anaknya.

Antara aspek akhlak yang ditekankan oleh LH adalah berbuat baik terhadap ibu bapa yang menjadi tuntutan (Qutb, 2000; Hamka, 2012) kepada anak untuk melaksanakannya. Malahan, sikap *amar ma'ruf nahiy munkar* juga wajar dititikberatkan dalam kehidupan kerana kaedah ini sesuai digunakan dalam berdakwah (Ibn Kathir, 1981). Seterusnya, LH menyarankan sifat sabar perlu dimiliki sebagai kekuatan jiwa oleh setiap individu (Ibn Zakariya,1994) dalam keadaan senang, susah, ditimpa ujian, dugaan dan juga cabaran (Al-Qurtubi, 2009).

Perbuatan tidak memalingkan muka kepada orang lain turut diberi perhatian oleh LH. Sikap ini menggambarkan akhlak seseorang bersikap sombong (Safinah et.al, 2019) yang diibaratkan seperti unta yang merasai kesakitan pada leher (Al-Shaukani, 1995). LH menggalakan bersikap sederhana ketika berjalan dan berkomunikasi. Sederhana dalam berjalan iaitu berjalan dalam keadaan rendah hati dengan aman dan tidak tergapoh-gapah (Ibn Kathir, 1998). Manakala sikap sederhana dalam komunikasi pula untuk mengelakkan seseorang daripada menguatkan suara (Arifin Mamat & Adnan, 2013) dengan nada yang tinggi kerana perbuatan tersebut diibaratkan seperti keldai yang sedang berteriak (Al-Maraghi, 2006).

Kajian terdahulu turut dilaksanakan berkait dengan kajian ini, antaranya kajian Ariffin & Adnan (2013) yang memfokuskan kepada asas pendidikan LH dari sudut akhlak kepada anaknya. Azawiyah (2017) pula mengutamakan ajaran akhlak oleh pendidik kepada pelajar menerusi LH. Seterusnya, Safinah (2019) menumpukan kepada mesej komunikasi keluarga dalam surah Luqman menerusi aspek akidah, ibadah dan akhlak.

Manakala kajian semiotik yang menggunakan teori semiotik Peirce sebagai panduan kajian sebagai contoh kajian Shifa et.al (2016) meneliti kajian semiotik ekspresi bahasa badan melalui ekspresi muka yang digunakan dalam al-Quran. Kajian Abdul Basit (2017) menyentuh berkaitan semiotik istilah-istilah komunikasi kesihatan dalam al-Quran. Mona (2019) pula mengenal pasti semiotik warna yang digunakan dalam al-Quran. Selain itu, kajian semiotik berkaitan surah dalam al-Quran turut dilaksanakan oleh Wahyu (2017) dan Nafiatul (2020).


Namun kajian-kajian tersebut tidak memfokuskan kepada membina makna semiotik pembangunan insan menerusi aspek akhlak sedangkan aspek kajian ini penting untuk diketengahkan memandangkan aspek ini merupakan asas kepada keseluruhan binaan dalam kehidupan bermasyarakat serta dalam hubungan sesama manusia.

Oleh itu, masyarakat perlu memahami bahawa akhlak ialah satu aspek yang penting dalam usaha membangunkan masyarakat. Asas pembangunan insan dari sudut akhlak ini akan berjaya dilaksanakan apabila dapat dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk meneliti makna semiotik pembangunan insan dari aspek akhlak menurut LH supaya menjadi asas dan benteng dalam kehidupan dalam pelaksanaan pembangunan insan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan analisis kandungan teks. Al-Quran digunakan sebagai korpus kajian khususnya surah Luqman. Surah Luqman ialah surah yang ke-31 dalam al-Quran yang mengandungi 34 ayat. Daripada 12 wasiat LH, 7 daripadanya bertemakan akhlak (Safinah et al, 2019; Safinah, 2018; Arifin & Adnan; 2013) digunakan sebagai persampelan kajian. Persampelan ini dipilih berdasarkan kepada teknik persampelan bertujuan (purposive) yang bersesuaian dengan ayat yang dikaji. Kaedah ini dipilih bertujuan untuk mengenal pasti simbol pembangunan insan yang digunakan dalam wasiat LH khususnya aspek akhlak. Kajian ini menggunakan teori semiotik Peirce (Peirce dalam Chandler, 2017, p.30; Peirce dalam Abdul Hamid & Tengku Intan Marlina. Ali, 2010, p. 7) untuk meneliti hubungan antara simbol pembangunan insan dengan interpretasi makna dalam wasiat LH. Bagi menganalisis makna semiotik dalam kajian ini, teori semiotik Peirce digunakan kerana dilihat sesuai untuk membongkar makna baharu (Zainuddin, 2018) dalam pembangunan insan melalui wasiat LH. Peirce menggunakan tiga elemen penting iaitu *representamen* (simbol yang dipilih), *interpretant* (makna daripada simbol yang dipilih) dan *object* ialah sesuatu yang dirujuk (Abdul Hamid et.al, 2010). Simbol dalam teori ini disimbolkan dengan lafaz ayat al-Quran dalam wasiat LH, *object* pula merujuk kepada seruan dalam wasiat LH, manakala *interpretant* pula merupakan idea pemikiran penyelidik daripada lafaz ayat al-Quran dalam wasiat LH yang membawa kepada interpretasi makna tersirat.

Rajah 1 merupakan rajah semiotik Peirce yang digunakan sebagai panduan kajian ini.



Rajah 1. Segitiga semiotik Peirce

Teori semiotik Peirce (Peirce dalam Chandler, 2017, p.30; Peirce dalam Abdul Hamid & Tengku Intan Marlina. Ali, 2010, p. 7) menunjukkan hubungan segitiga antara representamen (simbol), object (objek) dan interpretant (tafsiran). Sesuatu simbol akan dapat difahami pertaliannya dengan interpretasi, manakala sesuatu simbol yang sepadan pula boleh diluaskan tafsiran dalam pemikiran seseorang merujuk kepada objek tertentu (Faridah et.al, 2012). Oleh yang demikian, sesuatu simbol membawa tafsiran yang berbeza mengikut objek yang dilihat, objek yang difahami berfokus kepada logik dan menghubungkan simbol-simbol tersebut dengan seluruh jagat raya (*universe*), psikologi kemanusiaan dan sesuatu masyarakat. Justeru, hubungan ketiga-tiga elemen ini, simbol lafaz dalam surah Luqman dan interpretasi makna dalam lafaz tersebut dapat dihuraikan dari sudut akhlak supaya dapat difahami. Sebagai contoh, ungkapan LH ﴿أَنْ أَشْكُرَ لِي وَلَوْلَا ذِكْرُ اللَّهِ الْغَافِرِ﴾ sekiranya ungkapan tersebut diamati menggunakan semiotik struktur, ungkapan tersebut tidak mampu menghasilkan makna baharu kerana semiotik struktur bersifat internal. Namun, semiotik Peirce lebih bersifat luaran yang mampu meluaskan pembinaan makna baharu dalam al-Quran menerusi pembangunan insan dalam konteks akhlak.

4.0 ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Daripada 12 wasiat, 7 wasiat dipilih yang berkaitan dengan elemen akhlak.

4.1 Analisis wasiat 1

Pada ayat ke-14 dalam surah Luqman, Allah mengisyaratkan agar manusia bersyukur kepadaNya dan bersyukur kepada kedua ibubapa. Ayat yang menunjukkan tentang bersyukur merujuk kepada lafaz ﴿أَنْ أَشْكُرَ لِي وَلِوَالِدَيْكَ﴾ yang bermaksud bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibu bapamu. Kalimah أَشْكُرُ merupakan kata terbitan dari (شكر) yang menggunakan (dhomir) kata ganti diri kamu (انت) (Bahjat,t..t) . Dari sudut bahasa, perkataan اشكر adalah suatu perbuatan yang berbentuk suruhan Allah memerintahkan kepada manusia supaya bersyukur. Perintah bersyukur kepada Allah kerana Allah yang telah memberikan nikmat (Suhanim & Rosnaaini, 2015) dan bersyukur kepada ibubapa pula kerana mereka asbab kelahiran seorang anak berada di dunia.

Suruhan bersyukur merujuk kepada wasiat LH kepada anaknya supaya berbuat baik terhadap ibu bapa. Para ulama' berpendapat bahawa berbuat baik dan berbakti kepada ibu bapa adalah satu kewajipan (Ibnu Kathir, 1981; Hamka, 2012; al-Maraghi; 2006). Selain itu, dalam ayat ini LH turut menjelaskan pentingnya berbakti dan mentaati ibu bapa dengan menghargai pengorbanan kedua ibu bapa (Abu Syakir, 1996) terutamanya terhadap ibu kerana kesusahan demi kesusahan yang dilalui iaitu semasa mengandungkan anak, melahirkan anak sehingga menyusukan anak (Nurul Syazwani et.al, 2017), yang merupakan suatu tempoh yang sangat panjang. Malahan kepayahan kedua ibu bapa juga dalam membesarkan, memelihara, mendidik sehingga anak tersebut mampu bergerak dan berdikari sendiri. Justeru, bersyukur kepada Allah dan kedua ibu bapa adalah berbuat baik kepada mereka sepertimana yang turut dianjurkan dalam wasiat LH kepada anaknya bertujuan untuk mendidik anaknya dengan menerapkan elemen akhlak dan adab.

Justeru, tafsiran penyelidik pada simbol lafaz ﴿أَنْ أَشْكُرَ لِي وَلِوَالِدَيْكَ﴾ adalah mengajak manusia bersyukur kepada Allah dan juga kepada ibu bapa. Bersyukur kepada Allah dalam ayat ini menunjukkan kegembiraan seseorang apabila dikurniakan nikmat cahaya mata. Nikmat itu tidak terhad pada nikmat anak malahan adanya ibu bapa juga merupakan nikmat. Wasiat LH dari sudut pembangunan insan menggambarkan manusia perlu mensyukuri setiap nikmat kurniaan Allah. Malahan kesyukuran itu perlu dizahirkan kepada kedua-dua ibu bapa sebagai tanda penghargaan kepada mereka adalah berbuat baik kepada mereka dengan cara mentaati, memberi nafkah, melayan mereka dengan baik serta mendoakan kesejahteraan mereka. Oleh itu, wasiat LH dari sudut pembangunan insan digambarkan melalui sifat bersyukur kerana sifat ini manifestasi sifat rendah diri dan juga mendidik manusia menghargai orang lain. Selain itu, bersyukur juga merupakan latihan yang dapat mendidik diri menjadi hamba yang sentiasa bersyukur.

4.2 Analisis wasiat 2

Pada ayat ke-17 terdapat dua simbol pembangunan insan. Simbol yang pertama merujuk kepada lafaz ﴿وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ﴾ yang bermaksud dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar. Kalimah أُمُرٌ dan أَنْهَ merupakan dua perkataan yang menunjukkan tanda isyarat dalam ayat ini. Ungkapan kalimah أُمُرٌ dan أَنْهَ secara sintaksis termasuk kategori fi'1 amr(Bahjat,t..t). Dari sudut bahasa, kalimah أُمُرٌ merujuk kepada suatu suruhan manakala kalimah أَنْهَ kepada suatu perbuatan yang berbentuk larangan.

Merujuk kepada lafaz ﴿وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ﴾ terdapat dua bentuk wasiat LH kepada anaknya iaitu dalam bentuk suruhan melakukan kebaikan dan larangan menghindari perbuatan kemungkar.

Kemungkaran bukan sahaja melibatkan aspek perbuatan malahan merangkumi aspek akidah, ibadah dan juga akhlak (Mohd Jainudin et.al, 2019). Tambahan pula, Ibn Kathir (1981) turut menggariskan beberapa kaedah untuk menyeru amar ma'ruf nahi mungkar, jika berkemampuan lakukan amar ma'ruf menggunakan tangan, jika tidak mampu dengan tangan, maka lakukan dakwah dengan lidah, jika tidak mampu lakukan lidah, maka kaedah terakhir adalah dengan hati. Saranan LH kepada anaknya ini merupakan satu kaedah untuk mendidik anak-anaknya dengan menerapkan elemen akhlak.

Interpretasi penyelidik dalam ayat ini ialah wasiat LH menyeru anaknya supaya mengamalkan *amar ma'ruf nahi mungkar* dalam kehidupan. Dari konteks pembangunan insan, peranan dan tanggungjawab *amar ma'ruf nahi mungkar* bukan sahaja terhadap pendakwah sahaja malahan kepada masyarakat umumnya. Sifat ini perlu dimiliki dalam setiap individu supaya menjadi seorang insan yang bertanggungjawab terhadap masyarakat. Seterusnya, peka terhadap masyarakat sekeliling dalam membanteras perbuatan jenayah dan gejala sosial.

4.3 Analisis wasiat 3

Seterusnya, simbol pembangunan insan yang kedua dalam surah Luqman ayat ke-17 ialah pada lafaz ﴿وَأَصْبِرْ عَلٰى مَا أَصَابَكَ﴾ bermaksud dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Kalimah *اصبر* merupakan kata suruhan daripada kata terbitan (ص ب ر) secara sintaksis merupakan kategori *fi'l amr* (Bahjat,t..t) untuk suruhan sesuatu sehingga membentuk frasa *وَأَصْبِرْ عَلٰى مَا أَصَابَكَ* yang bermaksud suruhan bersabar walaupun terdapat pelbagai rintangan yang akan dilalui dalam kehidupan. Dari sudut bahasa, perkataan *صبر* dalam ayat ini bermaksud suruhan menahan sabar terhadap ujian, cabaran, dugaan yang dihadapi. Ibn Zakariya (1994) mendefinisikan kepada *habsu al-nafsi* iaitu kekuatan jiwa, manakala Shihab (2009) pula menakrifkan menahan diri daripada sesuatu.

Wasiat LH merupakan nasihat kepada anaknya supaya bersabar terhadap dugaan yang mendatang sama ada ujian yang datang dengan harta, suami isteri, anak-anak atau sebaliknya. Selain itu, manusia perlu mempunyai sifat sabar apabila berhadapan dengan kesusahan, ujian dan cabaran (al Qurtubi, 2009) dalam kehidupan. Oleh itu, saranan LH kepada anaknya agar memiliki sifat sabar dapat mendidik diri anaknya dengan akhlak yang mulia.

Dalam konteks kajian ini, LH menyatakan sifat sabar perlu diterapkan dalam kehidupan seharian setiap individu. Hal ini kerana, proses pembangunan insan bukanlah sesuatu yang mudah jadi dengan adanya sifat sabar ini boleh membantu proses ini dengan jayanya.

4.4 Analisis wasiat 4

Simbol pembangunan insan yang ke-4 pada ayat ke-18 merujuk kepada lafaz ﴿وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ﴾ yang bermaksud dan janganlah engkau memalingkan mukamu. Dari sudut bahasa, kalimah *تُصَعِّرْ* adalah kalimah *fi'l madhi* daripada kata terbitan (ص ع ر) yang membawa maksud denotasi memalingkan (Bahjat,t..t). Ayat ini menggunakan imbuhan partikel “la” yang secara sintaksis merupakan kategori *la nabiy* untuk melarang sesuatu sehingga membentuk frasa “وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ” memberi makna larangan tidak memalingkan muka kepada orang lain. Al-Shaukani (1995) pula menyatakan lafaz *ولا تصعر* berasal daripada perkataan (الصعر) ditujukan kepada unta yang merasai kesakitan dileher kerana kekejangan/terseliuh sehingga tidak mampu untuk memalingkan lehernya ke arah yang lain.

Di samping itu, nasihat LH kepada anaknya supaya tidak melakukan perbuatan memalingkan muka kepada orang lain kerana perbuatan ini menunjukkan seseorang bersikap sombong (Al-Urami,

2001). Malahan, jurang perbezaan dalam sesuatu hubungan (al-Ghazali, 2005) dapat dilihat apabila berkomunikasi dengan bersikap angkuh. Selain itu, nasihat LH juga mempunyai nilai yang tinggi dalam membentuk elemen akhlak dan adab kesopanan (Muhammad Fikri, 2016).

Penyelidik mentafsirkan wasiat LH sebagai panduan kepada manusia ketika berkomunikasi dengan orang lain supaya tidak memalingkan muka. Manakala dalam konteks pembangunan insan, sifat ini perlu dihindari kerana boleh menyebabkan seseorang sukar berkomunikasi dengan orang lain dan mungkin boleh menyebabkan pergaduhan. Oleh itu, komunikasi dan ekspresi badan perlu bersesuaian supaya tidak berlaku salah faham ketika menyampaikan sesuatu perkara.

4.5 Analisis wasiat 5

Seterusnya pada ayat ke-18 juga didapati simbol pembangunan insan dalam wasiat LH merujuk kepada lafaz ﴿وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا﴾ yang bermaksud dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong. Kalimah تَمْشِ adalah kalimah *fi'il mudhari'* daripada kata terbitan (م ش ي) yang bermaksud berjalan (Bahjat,t.t). Ayat ini menggunakan imbuhan partikel “la” yang secara sintaksis merupakan kategori *la nahiyy* untuk melarang sesuatu sehingga membentuk frasa berikut: “وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا” yang memberi makna larangan agar tidak berjalan di atas muka bumi dengan sombong. Ungkapan “مَرَحًا” dalam ayat ini memberi gambaran keadaan berjalan melenggang-lenggok kerana kegembiraan dengan nikmat yang diperoleh sehingga tidak mensyukuri nikmat disebabkan hati mereka tertutup seolah-olah menggambarkan sifat orang kafir (Suhanim & Rosnaaini, 2015).

Manakala, simbol pada ayat ke-18 ini merujuk kepada nasihat LH kepada anaknya supaya tidak berjalan dengan gaya yang angkuh di atas muka bumi dalam keadaan yang berlebihan. Sikap ini perlu dihindari dalam diri manusia kerana berjalan dengan adab akhlak dan penuh kesopanan (Muhammad Fikri, 2016) sangat dianjurkan dalam Islam. LH mengetengahkan kaedah berjalan dengan gaya yang tidak sombong dan angkuh.

Interpretasi penyelidik dalam ayat ini adalah wasiat LH mendidik manusia dalam hal perilaku ketika berjalan kerana mencerminkan akhlak dan keperibadian seseorang. Oleh yang demikian, dalam usaha membangunkan masyarakat dengan nilai akhlak yang murni, masyarakat perlu menambah baik cara berjalan dengan penuh adab dan tidak angkuh sehingga hilangnya adab.

4.6 Analisis wasiat 6

Sifat sederhana dalam akhlak ditonjolkan oleh LH merujuk kepada lafaz ﴿وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ﴾ yang bermaksud dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan. Dari sudut bahasa, kalimah أَقْصِدْ adalah daripada kata terbitan (ق ص د) yang bermaksud sederhana. Secara sintaksis kalimah أَقْصِدْ merupakan kategori *fi'l amr* berbentuk suruhan (Bahjat,t.t) pada frasa وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ yang bermaksud suruhan berjalan dalam keadaan tidak berlebih-lebihan supaya tidak menunjukkan seseorang itu bersifat sombong. Ibn Kathir (1998) mendefinisikan rendah hati kepada berjalan dalam keadaan yang tenang dan sederhana.

Objek dalam ayat ini merujuk kepada nasihat LH kepada anaknya agar bersifat sederhana diterapkan dalam kehidupan iaitu pada cara berjalan dengan kesopanan dan tidak tergopoh-gapah. Al-Qutb (2000) menyatakan kesederhanaan iaitu cara berjalan dengan kadar yang sederhana tidak pula mengharap pujian. Sifat ini disarankan oleh LH kepada anaknya agar bersifat secara besederhana dalam tingkah laku.

Seterusnya, dalam konteks kajian ini penyelidik mendapati sifat sederhana sangat dianjurkan oleh LH dalam pembangunan insan terutamanya ketika berjalan. Malahan, berjalan dalam keadaan yang

sederhana turut memberi kesan kepada pembangunan diri masyarakat ke arah kebaikan dan melahirkan rasa rendah diri sebagai seorang hamba.

4.7 Analisis wasiat 7

Simbol pembangunan insan untuk bersifat sederhana turut terdapat ayat ke-19 yang merujuk kepada lafaz ﴿وَأَعْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ﴾ yang bermaksud dan rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata). Dari sudut bahasa, kalimah *أَعْضُضْ* adalah daripada kata terbitan (غ ض ض) yang bermaksud sederhana atau mengawal (Al-Maraghi, 2006). Secara sintaksis kalimah *أَعْضُضْ* merupakan kategori *fi'l amr* berbentuk suruhan (Bahjat,t.t) pada frasa *وَأَعْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ* yang bermaksud suruhan merendahkan suara kamu semasa berkata-kata. Arifin Mamat & Adnan (2013) menyatakan orang yang mengeraskan dan meninggikan suara diumpamakan seperti suara keledai.

Simbol pada ayat ke-19 ini merupakan objek yang menunjukkan nasihat LH kepada anaknya supaya menerapkan sikap bersederhana dalam percakapan. Ibn Kathir menyatakan bersederhana dalam ayat ini kepada komunikasi yang tidak berlebihan dan tidak meninggikan suara terhadap perkara yang tidak memberi manfaat. Al-Maraghi (2006) turut berpandangan sikap meninggikan suara dengan menjerit dan berteriak ketika bercakap diibaratkan seperti suara keldai. LH menasihati anaknya agar menjauhi sikap seperti ini dan menyarankan bersifat secara bersederhana dalam percakapan bertujuan untuk mendidik anak-anaknya dengan elemen adab dan akhlak ketika berkomunikasi.

Kaedah yang dicadangkan oleh LH dalam pembangunan masyarakat adalah bersederhana dalam percakapan. Malahan, sikap ini perlu dipraktikkan dalam membentuk masyarakat yang berakhlak ketika berkomunikasi dengan masyarakat. Seterusnya, perilaku yang baik ketika bercakap ini menggambarkan cara masyarakat berkomunikasi dengan menjaga adab iaitu bercakap secara bersederhana tanpa perlu mengeraskan suara.

Secara keseluruhannya, berdasarkan tujuh ayat LH yang telah dikaji ini, didapati simbol pembangunan insan memberi gambaran bahawa akhlak merupakan komponen penting dalam manusia. Antara nilai-nilai akhlak yang mulia adalah bersyukur kepadaKu dan kepada kedua ibu bapamu, berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan perbuatan yang mungkar, bersabarlah atas segala bala bencana yang menimp, jangan memalingkan muka, jangan berjalan di bumi dengan berlagak sombong, sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan dan rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata). Penerapan nilai-nilai akhlak yang mulia dapat mendidik diri manusia ke arah pembentukan diri yang lebih baik dalam kehidupan. Manakala, nilai-nilai akhlak yang buruk pula perlu dijauhi agar usaha pembangunan insan tidak terjejas. Nilai-nilai akhlak yang baik dan akhlak yang buruk dalam kisah LH ini dilihat boleh dijadikan panduan dalam usaha menambah baik aspek akhlak dalam kalangan masyarakat. Kajian ini telah memperlihatkan simbol pembangunan insan yang digunakan dengan konsep telah dikupas melalui teori semiotik Peirce (Peirce dalam Chandler, 2017, p.30; Peirce dalam Abdul Hamid & Tengku Intan Marlina. Ali, 2010, p. 7) yang membawa kepada tafsiran makna yang tersirat. Makna semiotik juga dapat membantu dalam mengemukakan elemen pembangunan insan secara sistematik dan mudah difahami. Walaupun terdapat pelbagai kaedah untuk mempertingkatkan aspek akhlak dalam al-Quran, namun kisah LH ini juga boleh diteladani pada nilai-nilai akhlak masih relevan untuk diamalkan dalam kehidupan.

Jadual 1 berikut merupakan contoh elemen akhlak yang dijelaskan berpandukan teori semiotik Peirce dalam surah Luqman yang menggunakan pembangunan insan sebagai perlambangan.

Jadual 1. Simbol pembangunan insan dalam surah Luqman menerusi aspek akhlak

Bil	Lambang (<i>Representamen</i>)	Objek (<i>Object</i>)	Makna (<i>Interpretant</i>)
1-	أَنْ أَشْكُرَ لِي وَلِوَالِدَيْكَ	Seruan LH kepada anaknya	bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibu bapamu
2-	وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ		berbuat kebaikan, serta melarang daripada melakukan perbuatan yang mungkar.
3-	وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ		bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpa
4-	وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ		jangan memalingkan muka
5-	وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا		Jangan berjalan di bumi dengan berlagak sombong
6-	وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ		sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan
7-	وَأَعِضْ مِنْ صَوْتِكَ		rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata

5.0 KESIMPULAN

Pengkajian aspek simbol dalam al-Quran dilihat penting dalam memahami makna lafaz tersirat dalam sesuatu ayat. Unsur simbol dapat memberi tafsiran yang pelbagai oleh para penafsir simbol. Penafsiran makna dari sudut linguistik dengan menggunakan teori semiotik dapat memberi kefahaman dari perspektif linguistik. Aspek akhlak digambarkan melalui simbol pembangunan insan dalam kisah LH pada ayat ke-14, 17, 18 dan 19 memperlihatkan bahawa akhlak adalah aspek penting dalam kehidupan. Selain itu, kisah LH bukan sahaja bertujuan untuk mendidik anaknya bahkan bertujuan mendidik masyarakat berakhlak dengan akhlak yang baik dan menghindari akhlak yang buruk. Akhlak juga berperanan memperbaiki kehidupan manusia ke arah kebaikan dari hubungan sesama manusia samada jiran tetangga, kawan sekerja, keluarga dan masyarakat sekeliling, keluarga. Justeru, interpretasi simbol pembangunan insan dari konteks akhlak menerusi LH yang telah dihuraikan perlu didedahkan, selanjutnya diterapkan kepada masyarakat supaya proses pembangunan insan dapat dilaksanakan.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi penghargaan kepada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia dalam menyempurnakan artikel ini.

Senarai Rujukan

- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din*, Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al Maraghi, Mustafa. (2006). *Tafsir al-Maraghi*, Beirut: Dar al Fikr.
- Al-Qurtubi. (2009). *al-Jami' li Abkām al-Quran*. Terj. Fathurrahman Abdul Hamid, Dudi Rosyadi, Marwan Affandi. Jakarta Selatan. Pustaka Azzam.

- Al-Qutb, Sayid. (2000). *Tafsir Fi Zilal Al-Quran*, Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Al-Shaukani, M. A. (1995). *Fath Al-Qadir*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- Al-Urami, Muhammad al Amin bin Abdullah. (2001). *Tafsir Haqiq al-Ruh wa al Raiban*. T.tp.: Dar tauq al-Nahah.
- Abd Mutalib, Mohamad Ghazi Faris, and Norazmi Anas. (2020). “[The Rehalibition of Adolescent Morals Through a Tahfiz Approach in Malaysia: A Review] Pemulihan Akhlak Remaja Melalui Pendekatan Tahfiz Di Malaysia: Tinjauan Awal”. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 21 (2), 134-40.
- Abdul Ghani Azmi Idris, (1999). *Mengenal Al-Quran dan asas-asas ulumul Quran*. Kuala Lumpur; Al Hidayah Publishers.
- Abdul Hamid Adnan & Tg. Intan Marlina Tg. Mohd. Ali. (2010). Analisis semiotik lirik lagu-lagu gubahan P. Ramlee (A semiotic lyric analysis of P. Ramlee`s songs). Dalam *Jurnal Pengajian Melayu*. 21, 1-25. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Abdul Basit, (2017). Health Communication in The Quran: Charles Saunders Peirce’s Semiotic Analysis, *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 33(4),76-88.
- Abu Syakir Ar-Rawi. (1996). *Peranan Anak terhadap Ibu Bapa*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Ali Imran. (2011). *Semiotika Al-Qur’an*. Yogyakarta: Teras.
- Arifin, M., & Adnan, A. R. (2013). Aplikasi Nilai-nilai Murni Berlandaskan Tema Luqman al-Hakim di dalam Al-Quran sebagai Asas Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan* 6(2), 135-139.
- Azawiyah Abdullah. (2017). Pendidikan Luqman al-Hakim: Kajian ayat nasihat dan bimbingan Surah Luqman, Master Tesis, Universiti Utara Malaysia.
- Bahjat ‘Abd al-Wahid Salih. (1993). *al-I'rab al-mufassal li-kitab Allah al-murattal*, Jilid 9, Dar al-Fikr.
- Chandler, Daniel. (2017). *Semiotics: The Basics*. – 3rd ed. London: Routledge.
- Desa, N., Puji, T. I. Z. T., & Mohamad, S. (2018). Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 3(1), 55-63.
- Faridah Ibrahim, Tika Nuraeni, Fauziah Ahmad, Chang Peng Kee dan Normah Mustaffa. (2012). Bahasa komunikasi visual dan pengantaraan produk: satu analisis semiotik. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 12 (1), 257-273. ISSN 1675-8021
- Fatimah Nadirah Mohd Noor, (2012) *Program pembangunan insan dalam kalangan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) : masalah dan penyelesaian / Fatimah Nadirah binti Mohd Noor*. Masters thesis, University of Malaya
- Hafiz, M.T. Abdul, S. Zakaria & I. Ahmad Munawar. (2012). “Memperkasa Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam dalam Pengajaran Akhlak” dalam *Jurnal Hadhari, Edisi Khas*, 23-35.
- HAMKA, Abdul Malik Karim Amrullah. (2012). *Tafsir al-Azhar*. Singapura. Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Huzili Hussin. (2019). Krisis akhlak makin meruncing, <https://www.sinarharian.com.my/article/42478/KOLUMNIS/Krisis-akhlak-makin-meruncing>.
- Ibn al-Kathir. Ismail bin Umar bin Kathir. (1981). *Qasas al-Quran*. Kaherah: Maktabah al-Safa.
- Ibn al-Kathir, Ismail. (1998). *Tafsir al-Quran al-A'zim* (Tahqiq: Muhammad al-Husayn Shams al-Din). Jld. Juz.1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Ibn Zakariya, Ibn Faris. (1994). *Al-Maqayis fi al-Lughab*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ma'luf, Louis (1984). *Al-Munjid fi l-lughab wal- a'lam*. Beirut: Dar Mashariq

- Mohd Abbas Abdul Razak (2017). "Foundations of Islamic Ethics." In A. Latif A. Razak (ed.). *Ethics & Fiqh for Everyday Life*. Batu Caves, Selangor: The International Institute of Islamic Thought (IIIT E&SEA) and International Islamic University Malaysia, 1-17.
- Mohd Jainudin Bin Mohd Peran, Razaleigh bin Mohamat @ Kawangit. (2019). Konsep Pelaksanaan Amar Ma'ruf Nahi Mungkar dalam organisasi dakwah, *At-Tabkim*, 9,17.03. 2019 ISSN No. 2541-3856 Tazkia University College of Islamic Economic.
- Mona Al- Shraideh & Ahmad El-Sharif, (2019). Semiotic Perspective on the Denotation and Connotation of Colours in the Quran. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*. 8(1), 18-33.
- Nurul Syazwani Afiqah Amir Hamzah, Tengku Fauzan Tengku Anuar, Nur Nazihah Rahim. (2017). Tahap penerimaan islamik infografik beranimasi dalam memahami al-Quran: kajian kes menerusi penceritaan surah Luqman, *Journal of Education and Social Sciences*, 8(1), 26-31
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). Pembangunan Insan daripada Perpektif Islam. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., 102-107). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIIES).
- Kamarul Mutminah Bt Yusof, Zuliza Bt Mohd Kusrin & Zainuddin Bin Lateh (2021). Penambahbaikan Pendidikan Akhlak Dalam Pendidikan Islam Ke Arah Melahirkan Usahawan Amanah [Improving Moral Education in Islamic Education Syllabus Towards Producing Trustworthy Entrepreneurs]. *TIJARI International Journal of Islamic Economics, Business and Entrepreneurship* 1(1), 34-47.
- Kawangit, R. M. (2015). *Pengurusan Modal Insan dari Perspektif Islam*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maine Hussein Mohammed Al-Omari (2009) *Semiotics of self-discipline in the Holy Quran*. The Islamic University of Gaza
- Mohd Saiful Akmal A. Karim, Ahmad Sunawari Long & Faudzinaim Badaruddin. (2021). Pendidikan akhlak dalam menangani isu gejala sosial pelajar [Moral education in addressing the issue of student sosial symptom]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(3), 49-60.
- Muhammad Fikri At-Tamimy. (2016). Konsep Parenting Dalam Perspektif Surat Luqman dan Implementasinya. Fakultas Psikologi: Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Nafiatul Amalia, Najmuddin H. Abd Safa, Mardi Adi Armin. (2020). Application of Charles Sanders Peirce's Semiotics The-ory in Naming the al-Baqarah and the al-Ankabut of the Qur'an. *Proceedings of the Third International Seminar on Recent Language, Literature, and Local Culture Studies, BASA*, 20-21 September 2019, Surakarta, Central Java, Indonesia.
- Nasaruddin Desa, Tengku Intan Zarina & Sabri Mohamad. (2018). Menangani Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *al-Thurath Journal of al-Quran anda l-Sunnah* 13(1), 55-63.
- Safinah Ismail, Rosmawati Mohammad Rasit, Zulkefli Aini. (2019). Mesej Komunikasi Keluarga dalam Surah Luqman, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 6(1), 201-213
- Safinah Ismail. (2018). Elemen Komunikasi Bapa Dalam Surah Luqman, Faculty of Islamic Civilisation Studies. 4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018 18th- 19th September 2018. Tenera Hotel. Bandar Baru Bangi.Selangor, *Iryad e-Proceeding* 331-343
- Saharia Hj. Ismail. (2015). Pembangunan Insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, *Journal of Human Capital Development*, 8(2), 83-99
- Shaik Abdullah Hassan Mydin, Abdul Salam Muhamad Shukri & Mohd Abbas Abdul Razak. (2020). Peranan akhlak dalam kehidupan: Tinjauan wacana akhlak Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(1), 38-54.

- Shifa Mohammed, Ambigapathy Pandian & Sawsan Kareem, (2016). A Semiotic Analysis of the Body Language with Reference to the Facial Expressions in Selected Quranic Verses. *IRA International Journal of Education and Multidisciplinary Studies* 03(02), 207-222. ISSN 2455–2526. DOI: <http://dx.doi.org/10.21013/jems.v3.n2.p8>
- Shihab, M. Quraish. (2009). *Tafsir al Misbah: Pesan Kesan dan Keserasian Al-Quran*, 10. Cet II, Jakarta: Lentera Hati.
- Suhanim Binti Abdullah, Rosnaaini Binti Hamid, (2015). Kisah Luqman al-Hakim Tentang Sifat-Sifat Tercela Dan Sifat-Sifat Terpuji. *International Seminar of Al-Quran in Contemporary Society*, 3, 11 - 20.
- Wahyu Hanafi (2017), Semiotika al-Qur'an: representasi makna verba reflektif perilaku manusia dalam surat al-mā'ūn dan bias sosial keagamaan, *Dialogia: Jurnal Studi Islam dan Sosial* 15 (1), 1-22.
- Zainuddin Soga & Hadirman, (2018), Semiotika Signifikansi: Analisis Struktur Dan Penerapannya Dalam Al-Quran, *Jurnal Aqlam, Manado: Indonesia*, 3(1), 54-68. Institut Agama Islam Negeri Manado, Indonesia.